

TINJAUAN KEPERLUAN KURSUS PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) DALAM KALANGAN KOMUNITI PENGERANG : KAJIAN KES KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR

Suhana Sanatora¹, Noraini Omar² & Zuraini Din²

¹Kolej Komuniti Bandar Penawar, Johor

¹suhana.sanatora@kkbpenawar.edu.my, ²noraini@kkbpenawar.edu.my,

²zuraini@kkbpenawar.edu.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kluster kursus PSH yang menjadi pilihan komuniti Pengerang. Saiz sampel kajian adalah sebanyak 382 sampel bagi populasi kawasan kajian iaitu seramai 70, 043 orang. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sebahagian daripada instrumen kajian menggunakan skala likert dan nilai pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* terhadap instrumen kajian adalah 0.701 yang menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan boleh diterima pakai. Hasil kajian terhadap latar belakang responden mendapati peserta kursus perempuan mendominasi kursus PSH di KKBP iaitu sebanyak 64%, umur peserta kursus PSH secara umumnya di antara 15 – 20 tahun iaitu 54%, responden yang memiliki PMR, SPM dan STPM adalah sebanyak 79% dan 41% responden tidak bekerja. Kajian menunjukkan bahawa terdapat empat (4) kluster kursus PSH yang mendapat skor min sederhana iaitu kursus Komputer Dan Teknologi Maklumat, Perniagaan Dan Keusahawanan, Katering Dan Sajian serta Kerohanian Dan Keagamaan. Ini menunjukkan empat kluster kursus ini mendapat permintaan yang tinggi bagi komuniti Pengerang. Manakala kluster kursus PSH yang berkaitan Teknologi Pembinaan Dan Penyelenggaraan Bangunan mendapat skor yang terendah iaitu min 2.06. Selain itu responden mencadangkan kursus PSH dianjurkan dengan kadar bayaran yuran yang rendah, tempoh masa kursus yang pendek iaitu satu (1) hari atau kurang dan penganjuran kursus di hujung minggu. Adalah menjadi harapan pihak pengurusan di KKBP untuk merancang kursus yang lebih relevan bagi komuniti setempat.

Katakunci: *Keperluan Kursus, Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), komuniti setempat*

1. Pengenalan

Latihan dan pengembangan sumber manusia merupakan perkara yang penting bagi memastikan produktiviti pekerja sesebuah organisasi dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa. Bagi individu pula, latihan yang diperlukan adalah sebagai nilai tambah kepada pengetahuan dan kemahiran sedia ada dan seterusnya meningkatkan potensi diri.

Menurut Zafir dan Fazilah (2003), latihan merupakan inisiatif yang diambil oleh organisasi atau individu untuk menggalakkan pekerjaanya atau diri sendiri belajar dan menambah pengetahuan. Latihan yang dimaksudkan lebih kepada memperoleh pengetahuan bagi tempoh jangka masa pendek iaitu latihan yang diberikan bagi memenuhi keperluan tertentu organisasi dan individu itu sendiri. Keperluan latihan adalah berbeza di antara sesebuah organisasi dengan organisasi yang lain berdasarkan sasaran yang hendak dicapai oleh organisasi tersebut. Begitu juga keperluan latihan bagi setiap individu, diperlukan berdasarkan tujuan tertentu yang mungkin berbeza dengan individu lain.

Menurut Datuk Dr Fong Chan Onn, mantan Menteri Sumber Manusia melalui ucapannya semasa pelancaran Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), “Dalam era pembangunan ekonomi yang berasaskan pengetahuan ini, latihan semula pekerja yang berterusan merupakan pemangkin utama dalam menentukan kejayaan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara. Latihan berterusan dan pembelajaran sepanjang hayat akan terus digalakkan oleh kerajaan untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti pekerja.”

Kolej Komuniti Malaysia telah dijadikan sebagai hab Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) berdasarkan memorandum Menteri Pengajian Tinggi pada 20 April 2005. Pelaksanaan program PSH di Kolej Komuniti bertujuan untuk memenuhi keperluan latihan peningkatan kemahiran dan pengetahuan serta taraf sosio-ekonomi masyarakat setempat termasuk organisasi atau jabatan kerajaan dan swasta.

PSH ditakrifkan sebagai proses pendemokrasian pendidikan melalui penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan menerusi kaedah formal, bukan formal dan tidak formal (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2017). “Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat”, merupakan lonjakan ke 3 yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi). Walaupun PSH sudah menjadi satu agenda diperingkat global, namun demikian, masih terdapat cabaran-cabaran yang perlu dihadapi dan diatasi bagi memastikan matlamat utama pelaksanaan kursus PSH tercapai.

Matlamat utama pelaksanaan sesuatu kursus PSH adalah untuk membentuk komuniti yang dinamik dengan menyediakan peluang-peluang kepada jabatan kerajaan, agensi swasta dan industri serta orang perseorangan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan taraf sosio ekonomi (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2017). Oleh itu, bagi memastikan matlamat tersebut tercapai, pelaksanaan kursus PSH perlu berbentuk fleksibel dan mudah alih.

Konsep fleksibel bermaksud kursus PSH boleh dijalankan pada bila-bila masa mengikut keperluan dan kehendak komuniti setempat. Manakala konsep mudah alih pula bermaksud kursus PSH boleh dilaksanakan di mana-mana sahaja mengikut kesesuaian tidak semestinya kursus-kursus ini hanya boleh dijalankan di Kolej Komuniti sahaja.

Namun demikian, masih terdapat cabaran dalam pelaksanaan kursus PSH dalam kalangan komuniti Pengerang, walaupun ia berkonsep fleksibel dan mudah alih. Antara cabaran yang dapat dikenalpasti adalah mendapatkan peserta kursus PSH. Kadang kala kursus yang ditawarkan tidak memenuhi keperluan komuniti, akhirnya kursus terpaksa dibatalkan kerana peserta yang mendaftar kurang daripada 10 orang. Kursus PSH hanya boleh dijalankan jika peserta yang mendaftar adalah 10 orang atau lebih. Oleh itu pengkaji menjalankan kajian keperluan latihan kepada sebahagian komuniti dalam kawasan Pengerang bagi mendapatkan maklum balas yang tepat tentang apakah kursus yang diperlukan oleh mereka.

Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti latar belakang atau demografi peserta kursus PSH di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan mengenal pasti jenis kluster kursus PSH yang menjadi pilihan dalam kalangan komuniti Pengerang.

2. Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang diubahsuai dan dinilai kebolehpercayaan

menggunakan perisian *Statistical Packages for The Social Sciences (SPSS)*. Soal selidik menggunakan Bahasa Melayu bagi memudahkan komuniti memahami kehendak soalan tersebut.

2.1 Soal Selidik Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen kajian terbahagi kepada 2 bahagian dan bilangan item bagi setiap bahagian adalah seperti di dalam Jadual 1 :

Jadual 1 : Instrumen Kajian

Bahagian	Item	Jumlah Item
A	Maklumat Responden	4
B	Maklumat Kursus/Latihan Yang Diperlukan	
	a. Keperluan Kursus/Latihan	12
	b. Cadangan Yuran Kursus	3
	c. Hari Yang Sesuai Untuk Mengikuti Kursus	7
	d. Cadangan Tempoh Masa Kursus	5

Menurut Sulaiman Masri (2005), soal selidik merupakan satu cara yang paling mudah untuk memperolehi maklumat. Soal selidik mempunyai beberapa kelebihan dibandingkan dengan cara lain bagi pengkaji mendapatkan maklumat-maklumat kualitatif dan kuantitatif. Instrumen kajian Bahagian A, Bahagian B.b, B.c, dan B.d menggunakan kaedah statistik deskriptif kekerapan, peratus dan min. Instrumen A menunjukkan latar belakang/ demografi responden. Instrumen kajian Bahagian B.a yang meninjau keperluan kursus/latihan yang diperlukan oleh responden diukur dengan menggunakan skala likert seperti di dalam Jadual 2 :

Jadual 2: Indikator Skala Likert Soal Selidik

Skala	Bahagian B.1
1	Tidak Berkaitan (TB)
2	Kurang Perlu (KP)
3	Perlu (P)
4	Sangat Perlu (SP)

Skor min yang diperolehi diinterpretasikan berdasarkan skala Likert empat mata seperti di Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Skala Interpretasi Min

Julat Min	Interpretasi
1.00 – 1.50	Kurang Kaitan
1.51 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 4.00	Tinggi

Sumber: Riduwan (2012)

Instrumen kajian Bahagian B.a ini telah dianalisis dengan menggunakan kaedah *Alpha*

Cronbach untuk melihat kebolehpercayaan soalan kaji selidik menggunakan skala likert ini. Jadual 4 menggambarkan konsistensi dalaman bagi nilai *Alpha Cronbach*.

Jadual 4: Indikator Nilai Pekali Kebolehpercayaan, *Alpha Cronbach*

<i>Alpha Cronbach, α</i>	<i>Internal Consistency</i>
$0.9 \leq \alpha$	<i>Excellent</i>
$0.8 \leq \alpha < 0.9$	<i>Good</i>
$0.7 \leq \alpha < 0.8$	<i>Acceptable</i>
$0.6 \leq \alpha < 0.7$	<i>Questionable</i>
$0.5 \leq \alpha < 0.6$	<i>Poor</i>
$\alpha < 0.5$	<i>Unacceptable</i>

Sumber : *George, D., & Mallery, P. (2003)*

Nilai pekali *Alpha Cronbach* yang diperolehi hendaklah tidak kurang daripada 0.6. Ini kerana instrumen yang digunakan dalam kajian akan dianggap mempunyai kebolehpercayaan yang rendah jika nilai yang diperolehi kurang daripada 0.6.

2.2 Sampel Kajian

Menurut Gay dan Airasian (2003), populasi adalah kumpulan sasaran pengkaji, iaitu kumpulan kepada siapa hasil kajian akan digeneralisasikan. Sampel kajian pula ialah responden-responden kajian yang dipilih untuk mewakili sesuatu populasi. Penetapan populasi kajian adalah penting dalam kajian disebabkan populasi akan menentukan bagaimana dan berapa ramai sampel yang akan dipilih.

Menurut Krejcie dan Morgan (1970), size sampel kajian adalah sebanyak 382 sampel bagi polulasi kawasan kajian iaitu seramai 70, 043 orang sepertimana dinyatakan di dalam unjuran penduduk pada tahun 2020 di dalam Rancangan Tempatan (RTD) Kota Tinggi. Responden kajian terdiri daripada peserta kursus pendek PSH yang mengikuti kursus di KKBP sepanjang tahun 2018 yang dipilih secara rawak.

2.3 Dapatan Kajian

Nilai pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* terhadap instrumen kajian Bahagian B.a yang menggunakan skala likert adalah 0.701 seperti dinyatakan dalam Jadual 4. Keputusan menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan adalah boleh diterima pakai.

Hasil soal selidik Bahagian A untuk latar belakang responden , hasil dapatan yang diperolehi adalah seperti Jadual 5 :

Jadual 5: Latar Belakang Responden

Jantina	Kekerapan	Peratus %
Lelaki	137	36
Perempuan	245	64
Jumlah	382	100
Umur (Tahun)	Kekerapan	Peratus %
15 – 20	206	54
21 - 30	37	10
31 - 40	80	21
41 - 50	35	9

>50	24	6
Jumlah	382	100
Tahap Pendidikan	Kekerapan	Peratus %
PMR/PT3	119	31
SPM	163	43
STPM	19	5
DIPLOMA	24	6
IJAZAH SARJANA MUDA	17	4
IJAZAH SARJANA	2	1
LAIN-LAIN	38	10
Jumlah	382	100
Pekerjaan	Kekerapan	Peratus %
Sektor Awam	37	10
Sektor Swasta	39	10
Bekerja Sendiri	50	13
Belum Bekerja	87	23
Tidak Bekerja	156	41
Jumlah	369	97

Didapati peserta kursus lelaki yang menyertai kursus pendek di KKBP adalah 36% dan perempuan sebanyak 64%. Peringkat umur peserta kursus yang menyertai kursus pendek adalah antara 15 – 20 tahun iaitu 54%. Manakala peringkat umur 31 – 40 tahun pula, sebanyak 21% penyertaan iaitu kedua tertinggi. Namun peratusan peserta yang berumur antara 41 – 50 tahun serta melebihi 50 tahun yang rendah iaitu masing-masing 9% dan 6%. Bagi tahap pendidikan, didapati bahawa responden yang memiliki SPM adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 43%, diikuti dengan responden yang mempunyai tahap pendidikan PMR/PT3 iaitu sebanyak 31%. Kebanyakan peserta kursus PSH tidak bekerja dimana 41% responden tidak bekerja. Manakala responden yang belum bekerja adalah sebanyak 23%. Manakala bagi Bahagian B nilai min dianalisis seperti di Jadual 6.

Jadual 6: Dapatan nilai Min Bahagian B

a. Keperluan kursus/latihan

No.	Item Soalan	Skala Penilaian				Min	Interpretasi
		TB	KP	P	SP		
1.	Bahasa	10 (3.25%)	44 (14%)	158 (51%)	96 (31%)	2.5	Rendah
2.	Jahitan	34 (10%)	67 (20%)	158 (48%)	73 (22%)	2.45	Rendah
3.	Seni Kreatif	19 (6%)	58 (18%)	172 (54%)	68 (21%)	2.42	Rendah
4.	Pembangunan Diri Dan Motivasi	14 (5%)	42 (14%)	140 (47%)	104 (35%)	2.45	Rendah
5.	Komputer Dan Teknologi Maklumat	10 (3%)	40 (13%)	139 (45%)	119 (37%)	2.57	Sederhana
6.	Perniagaan Dan Keusahawanan	12 (4%)	29 (9%)	163 (50%)	122 (37%)	2.74	Sederhana
7.	Sains Kesihatan	26 (9%)	55 (19%)	150 (51%)	62 (21%)	2.18	Rendah

8.	Teknologi Pembinaan Dan Penyelenggaraan Bangunan	46 (15%)	79 (27%)	109 (37%)	64 (21%)	2.06	Rendah
9.	Katering Dan Sajian	24 (7%)	62 (18%)	152 (45%)	101 (30%)	2.64	Sederhana
10.	Kecantikan Dan Dandanan	38 (12%)	73 (23%)	124 (38%)	89 (27%)	2.39	Rendah
11.	Kenderaan Dan Automotif	34 (12%)	51 (17%)	125 (42%)	86 (29%)	2.24	Rendah
12.	Kerohanian Dan Keagamaan	11 (4%)	16 (5%)	105 (35%)	171 (56%)	2.73	Sederhana

Berdasarkan interpretasi skor min skala likert yang digunakan, dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min berada dalam dua (2) bacaan sahaja iaitu skor min rendah dan sederhana sahaja. Tiada pilihan kursus yang memberikan skor min yang tinggi. Kluster kursus yang disenaraikan adalah merujuk kepada bidang kursus yang sering ditawarkan di KKBP. Terdapat 4 jenis kluster kursus PSH yang menunjukkan skor min sederhana iaitu Komputer dan Teknologi Maklumat, Perniagaan dan Keusahawanan, Katering dan Sajian dan Kerohanian dan Keagamaan. Oleh itu 4 jenis kluster kursus ini menjadi keperluan utama dalam kalangan komuniti Pengerang.

b. Cadangan Yuran Kursus (%)

No.	Item Soalan	Yuran Kursus (RM)		
		10 - 30	31 -60	61- 100
1.	Bahasa	81	16	3
2.	Jahitan	68	31	2
3.	Seni Kreatif	68	28	4
4.	Pembangunan Diri Dan Motivasi	72	22	6
5.	Komputer Dan Teknologi Maklumat	60	31	9
6.	Perniagaan Dan Keusahawanan	64	26	9
7.	Sains Kesihatan	65	30	5
8.	Teknologi Pembinaan Dan Penyelenggaraan Bangunan	52	32	15
9.	Katering Dan Sajian	62	31	6
10.	Kecantikan Dan Dandanan	65	27	7
11.	Kenderaan Dan Automotif	52	28	19
12.	Kerohanian Dan Keagamaan	68	24	8
	Purata	65	27	8

Berdasarkan dapatan cadangan yuran kursus, 65% memilih kadar yuran ditetapkan dalam julat RM 10 hingga RM30 sahaja. Diikuti dengan 27% responden memilih yuran kursus PSH ditetapkan pada kadar RM31 hingga RM30 sahaja. Hanya 8% responden memilih yuran kursus PSH pada kadar RM61 hingga RM100 sahaja.

c. Hari Yang Sesuai Mengikuti Kursus

Hari	Kekerapan	Peratus %
Ahad	50	7
Isnin	35	5
Selasa	39	6

Rabu	36	5
Khamis	137	19
Jumaat	222	31
Sabtu	190	27

Berdasarkan dapatan hari yang sesuai untuk kursus PSH diadakan, sebanyak 31% memilih untuk hadir berkursus pada hari Jumaat, diikuti 27% pada hari Sabtu dan 19% memilih untuk hadir berkursus pada hari Khamis. Responden yang memilih untuk hadir berkursus selain hari Jumaat, Sabtu dan Khamis adalah antara 5% hingga 7% sahaja.

d. Cadangan Tempoh Masa Kursus

Tempoh Masa	Kekerapan	Peratus %
Setengah Hari	82	20
1 Hari	182	44
2 Hari	75	18
3 Hari	52	12
>3 Hari	27	6

Sebanyak 44% responden memilih tempoh masa berkursus 1 hari sahaja, diikuti dengan 20% responden memilih tempoh berkursus setengah hari sahaja dan 18% memilih tempoh masa berkursus selama 2 hari.

3. Perbincangan

Hasil daripada dapatan kajian, didapati peserta kursus perempuan mendominasi kursus pendek di KKBP iaitu sebanyak 64%. Peringkat umur peserta kursus secara umumnya di antara 15 – 20 tahun iaitu 54%. Bagi tahap pendidikan, didapati bahawa responden jelas terdiri daripada pelajar kerana jumlah peratusan responden yang memiliki PMR, SPM dan STPM adalah sebanyak 79%. Manakala bagi latar belakang pekerjaan, kebanyakan peserta tidak bekerja dimana 41% responden tidak bekerja. Ini berkemungkinan responden yang masih belajar, surirumah atau pelajar lepasan SPM yang menunggu peluang menyambung pengajian.

Berdasarkan interpretasi skor min skala likert yang digunakan, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat (4) kluster kursus yang mendapat skor min sederhana iaitu kursus Komputer Dan Teknologi Maklumat, Perniagaan Dan Keusahawanan, Katering Dan Sajian serta Kerohanian Dan Keagamaan. Ini menunjukkan empat kursus ini mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan komuniti Pengerang. Manakala kluster kursus PSH yang berkaitan Teknologi Pembinaan Dan Penyelenggaraan Bangunan mendapat skor yang terendah iaitu min 2.06.

Pemilihan 4 kluster kursus PSH tersebut disokong oleh kadar yuran kursus yang berpatutan yang mana responden mencadangkan kadar yuran antara RM10-RM30 sahaja. Namun demikian, kadar yuran kursus PSH telah ditetapkan dengan kadar 1 jam bersamaan RM1. Jadi jika kursus dijalankan selama 8 jam (sehari), yuran kursus ditetapkan sebanyak RM8 sahaja. Kursus-kursus yang melibatkan bahan mentah atau peralatan khusus, kos bahan dan peralatan tersebut perlu ditanggung oleh peserta kursus. Oleh itu yuran kursus yang akan dibayar oleh peserta merangkumi yuran kursus dan yuran bahan. Disamping itu, responden

juga mencadangkan kursus dijalankan pada hari cuti hujung minggu (Jumaat dan Sabtu) dengan tempoh kursus hanyalah satu hari sahaja.

4. Kesimpulan

Kajian ini dapat memberikan maklumat untuk membantu KKBP merancang pelaksanaan kursus PSH berdasarkan keperluan komuniti setempat dengan kadar yuran yang berpatutan dalam tempoh yang sesuai. Disebabkan pembangunan yang pesat di PBT Pengerang, hasil kajian ini dapat memberi peluang kepada komuniti Pengerang untuk meningkatkan taraf hidup. Kajian ini juga secara tidak langsung dapat mempromosikan perkhidmatan yang terdapat di Kolej Komuniti Bandar Penawar bagi memastikan kewujudan KKBP dalam kawasan Pengerang masih relevan dan seiring dengan pembangunan yang dirancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Rujukan

George, D., & Mallery, P. (2003). *Using SPSS for Windows Step by Step: A Simple Guide and Reference* (4th ed.). London: Pearson Education.

Gay, L.R., & Airasian, P. (2003) An Exploration of the Effect of College English Teacher Misbehaviors on Students' Willingness to Communicate in English Classes, *Educational research: Competencies for analysis and application* (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.

Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610

McEvoy, G. M., & Cascio, W. F. (1989). Cumulative evidence of the relationship between employee age and job performance. *Journal of Applied Psychology*, 74(1), 11-17. <https://doi.org/10.1037/0021-9010.74.1.11>

Poon, M. L. June. (1994) *Pengurusan Sumber Manusia: Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur.

Ricks, Betty R., Ginn, Mary L., & Daughtrey, Anne Scott. (1995). *Contemporary Supervision* (2nd ed.). McGraw Hill, Inc.

Rancangan Tempatan (RTD) Kota Tinggi 2020, Jilid I Hala Tuju dan Strategi Pembangunan.

Riduwan (2012) *Skala Pengukuran Variable-variable: Penelitian*. Alfabeta, Bandung.
Sulaiman Masri (2005) *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan: esei, proposal, tesis*, Utusan Publications & Distributors.

Trulove, J.K (1995) Explosions in the Interseller Medium, *Physics Report*, Vol.256, No. 1-3, P.157-172.

Zafir Mohd Makhbul dan Fazilah Mohamad Hasun. (2003). Siri Pengurusan dan Pentadbiran Utusan: Mengurus Sumber Manusia. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. 203-209.

Zulkifley Hamid, Kartini Abd Wahab, Mohd Asri Harun (2016) Melahirkan Warga yang Berketerampilan Bahasa: Kajian Hubungan Antara Pengetahuan Dengan Amalan Komunikatif Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space* 12 Issue (9), 32-45.

